

2.1 Syarat Permohonan Bagi Pertandingan Kemahiran

Pemohon yang ingin menyertai **SSC2017** perlu memenuhi kriteria berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Pertandingan ini terbuka kepada pelatih atau perantis mana-mana institusi latihan kemahiran awam/swasta yang berumur **tidak melebihi 21 tahun bagi semua bidang yang dipertandingkan kecuali bidang IT (tidak melebihi 23 tahun)** pada tahun pertandingan; dan
- iii. Setiap pemohon hanya layak memohon **satu** bidang sahaja untuk menyertai **SSC2017**.

2.2 Syarat Umum Permohonan:

- i. Keputusan muktamad menyertai pertandingan adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Teknikal Pertandingan Kemahiran.
- ii. Urusetia, panel penggubal soalan dan panel hakim tidak boleh menyertai pertandingan kemahiran.

2.3 Yuran Penyertaan

Yuran penyertaan adalah PERCUMA.

2.4 Prosedur Permohonan

- i. Peserta yang berminat untuk menyertai pertandingan ini perlu memohon dengan mengisi lengkap borang pertandingan yang boleh didapati di pejabat JPK Wilayah Sarawak. Permohonan penyertaan perlu mendapat pengesahan dan kelulusan pusat latihan masing-masing.
- ii. Permohonan ini perlu diisi dengan lengkap. Permohonan penyertaan yang tidak lengkap dan mengandungi maklumat palsu tidak akan dilayan. Sebarang permohonan yang tidak memenuhi syarat yang ditetapkan akan ditolak;
- iii. Permohonan perlu disahkan oleh ketua jabatan/majikan masing-masing.

2.5 Bilangan Permohonan SSC2017

Bilangan minima permohonan bagi setiap bidang yang dipertandingkan dalam **SSC2017** adalah seramai enam (6) orang peserta. Bilangan maksima permohonan bagi setiap bidang pula adalah enam belas (16) penyertaan, kecuali bidang Automobile Technology iaitu boleh sehingga 42 orang. Bidang kemahiran yang kurang daripada enam (6) orang dalam peringkat permohonan akan dipertandingkan di peringkat akhir. Namun, keputusan muktamad adalah tertakluk kepada Jawatankuasa Teknikal Pertandingan Kemahiran.

2.6 Pelaksanaan Pertandingan SSC2017

- A. Ujian Peringkat Saringan
- B. Ujian Peringkat Akhir

(Tempoh ujian adalah bergantung kepada soalan dan bidang yang dipertandingkan)

Maklumat Penting :

- i. Peserta **SSC2017** peringkat saringan dan akhir yang tidak dapat hadir semasa pertandingan perlu memaklumkan secara bertulis kepada JPK dalam tempoh masa 7 hari sebelum hari pertandingan; dan
- ii. Peserta **SSC2017** peringkat saringan dan akhir yang tidak mengemukakan surat tunjuk sebab dan tidak datang semasa hari pertandingan akan dibatalkan penyertaan secara automatik.

2.6.1 Penyertaan Peserta SSC2017 Peringkat Akhir

Bilangan yang ditetapkan dalam **SSC2017** peringkat akhir adalah sebanyak 6 orang bagi setiap bidang kemahiran yang dianjurkan. Namun begitu, bilangan penyertaan ke peringkat akhir mengikut bidang kemahiran yang dipertandingkan adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Teknikal Pertandingan Kemahiran.

